

07 SEP 1998

Zahid-Undur

LAGI DESAKAN MAHU ZAHID BERUNDUR

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Ketua pergerakan Pemuda UMNO Datuk Ahmad Zahid Hamidi hari ini terus menerima desakan daripada kalangan anggota pergerakan itu supaya berundur jika beliau tidak menerima keputusan Majlis Tertinggi parti memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada parti dan keputusan Perdana Menteri melucutkan jawatan Kabinetnya.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Negeri Sabah Encik Jema Khan Majid Khan berkata pergerakan itu bermesyuarat mengenai isu berkenaan pemecatan Anwar pagi ini dan memutuskan bahawa Ahmad Zahid perlu mengundurkan diri secara terhormat daripada jawatannya sebagai ketua.

"Pemimpin Umno yang lain yang masih kelihatan bersama-sama Anwar juga harus dikenakan tindakan disiplin kerana tindakan mereka itu tidak mengiktiraf keputusan Majlis Tertinggi (dalam memecat Anwar)," katanya.

"Sekiranya ada pemimpin Umno yang tidak mahu mempertahankan keputusan Majlis Tertinggi lebih baik mereka meletak jawatan," katanya pada sidang media selepas mesyuarat pergerakan itu di sini hari ini.

Sebelum ini tiga orang anggota Exco pergerakan itu, pergerakan Pemuda UMNO Wilayah Persekutuan dan beberapa bahagian pergerakan itu di negeri-negeri lain telah mendesak Ahmad Zahid supaya berundur secara terhormat kerana beliau gagal menetapkan pendirian berhubung pemecatan Anwar.

Anwar dilucutkan daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Rabu lepas dan dipecat daripada Umno sehari kemudian. Anwar telah dituduh melakukan pelbagai perbuatan salah laku termasuk skandal seks. Beliau menafikan semua tuduhan itu.

Jema Khan berkata beliau telah menerangkan kepada Pemuda Umno Sabah mengenai sebab-sebab dan tuduhan terhadap Anwar, seperti yang dijelaskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam satu perjumpaan tertutup di Kuala Lumpur baru-baru ini.

"Pemuda Umno Sabah akan turun padang untuk memberikan penjelasan yang sewajarnya kepada anggota-anggota parti mengenai isu ini," katanya lagi.

Sementara itu Ketua Pemuda UMNO Cheras Mahadi Haji Shukor mendesak Ahmad Zahid supaya menyatakan pendiriannya terhadap pemecatan Anwar.

Beliau berkata, sikap berdiam diri Ahmad Zahid berhubung perkara itu boleh ditafsirkan sebagai menyokong Anwar.

"Pemuda UMNO Cheras sepakat untuk berdiri teguh dengan keputusan Majlis Tertinggi dan kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam isu pemecatan Anwar," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Mahadi berkata, Pemuda UMNO Cheras menasihati Anwar supaya menerima keputusan MT dengan hati terbuka kerana tanpa sebab yang munasabah tidak mungkin Perdana Menteri dan Majlis Tertinggi mengambil keputusan seberat itu.

Di MELAKA, Anggota MT Umno Datuk Wira Mohd Ali Rustam berkata Zahid harus berundur kerana beliau dilaporkan menyokong gerakan reformasi yang dilaungkan oleh Anwar memandangkan tindakan itu bertentangan dengan disiplin parti.

Zahid perlu mempunyai ketetapan yang jelas, tegas serta konsisten menyokong tindakan Dr Mahathir dan MT berhubung pemecatan Anwar, kata Mohd Ali kepada pemberita selepas menghadiri taklimat khas isu-isu semasa oleh Badan Perhubungan Umno Melaka hari ini.

Ketua Pergerakan Pemuda Melaka Nazari Adzim pula ketika ditanya sama ada Zahid perlu meletakkan jawatan berkata terpulanglah kepada keyakinan

Zahid sendiri untuk memikul jawatan itu.

"Kalau beliau tidak yakin serta tidak mampu mengendalikan pergerakan pemuda hari ini, beliau boleh mengambil keputusan meletakkan jawatan tetapi sekiranya Zahid masih berkeyakinan, beliau boleh meneruskannya...", kata Nazari.

Menurut Nazari, apa yang perlu ialah bagi Zahid dengan segera mengadakan satu mesyuarat menjelaskan ketetapan Pemuda berhubung isu Anwar.

Di SHAH ALAM, Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar menggesa Ahmad Zahid membuat pendiriannya mengenai pemecatan Anwar bagi kepentingan pergerakan itu.

"Adalah lebih baik bagi beliau (Zahid) membuat pengumuman mengenai pendirian Pemuda Umno dalam isu ini," kata beliau kepada pemberita apabila diminta mengulas desakan terhadap Ahmad Zahid supaya berundur itu.

Abu Hassan berkata bagi Pemuda Umno Selangor, ia sudahpun menyatakan pendiriannya apabila beliau (Abu Hassan) mengadakan pertemuan dengan mereka baru-baru ini mengenai isu itu.

Menurutnya, pada pertemuan itu mereka menyatakan kepadanya bahawa mereka menyokong sepenuhnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengenai pemecatan Anwar.

Apabila ditanya mengenai rancangan Anwar untuk menjelajah ke seluruh negara untuk memberi penjelasannya, Abu Hassan berkata ia bukanlah tindakan bijak kerana ia akan hanya membuat keadaan lebih buruk.

Di BATU PAHAT, Pergerakan Pemuda Johor hari ini meminta Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Zahid Hamidi supaya menyerahkan tugasnya kepada Naib Ketua Pergerakan itu kerana menyifatkan beliau gagal menjalankan tugas sebagai ketua.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Johor, Hasni Mohammad berkata kesemua 20 bahagian Umno di negeri ini telah mencapai keputusan itu secara kolektif dan mahu supaya Zahid berundur.

"Pada kaca mata Pergerakan Pemuda Umno Johor, beliau gagal menjalankan tugasnya mengikut prinsip parti dan diminta menyerahkan tugasnya kepada Naib Ketua atau Exco lain yang sedia menjalankan tanggungjawab," katanya pada persidangan berita selepas mesyuarat khas pergerakan itu di Hotel Garden, dekat sini, hari ini.

Di KUALA LUMPUR, Anggota Pergerakan Pemuda Umno Wilayah Persekutuan hari ini menyifatkan tindakan ketua pergerakan Umno Datuk Zahid, yang menyokong gerakan reformasi bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, sebagai tidak adil kerana membelakangi suara ramai dalam pergerakan itu.

Ketua Pemuda Umno Bahagian Segambut Abdul Hadi Mohd Zam yang mewakili Pemuda Umno Wilayah berkata Zahid tidak berhak bertindak sendiri kerana perkara itu melibatkan kedudukan parti dan pendirian Pemuda Umno Malaysia.

"Oleh sebab itu Pemuda Wilayah mahu Datuk Zahid mengundur diri secara terhormat kerana sudah jelas beliau membelakangi keputusan Majlis Tertinggi Umno dan boleh dianggap melanggar etika parti," katanya dalam satu kenyataan di sini.

-- BERNAMA

RAM WNZ RI